

Wakaf Di Negeri Johor: Latar Belakang Dan Potensi

Waqf In State Of Johor: Background And Potential

Nasrul Hisyam Nor Muhamad^{a*}, Abdul Hafiz Abdullah^a, Sulaiman Shakib Mohd Noor^a, Mohd Rilizam Rosli^b

^a*Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia*

^b*Unit Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Johor*

**Corresponding author: nasrul@utm.my*

Article history

Received: 2019-01-06 Received in revised form: 2019-03-21 Accepted: 2019-07-07 Published online: 2019-10-07

Abstract

Waqf is a practice that is encouraged in Islam. In Malaysia, wakaf is under the jurisdiction of the state. This makes the wakaf management and administrative background of each state quite unique. Johor is one of the states that achieved the best achievement in waqf. This article discusses the background of wakaf practices implemented in the state of Johor, including the historical, legal, and management perspectives. Also discussed about the achievement of wakaf in the state of Johor and the forms of potential wakaf to be developed in the future. This study is qualitative. Data collection using library methods and data was analyzed based on 'content analysis' approach. It is found that the achievement of wakaf in Johor is very good especially in terms of the increase in value of waqf assets. Similarly, the Wakaf Shares and Waqf Shares that's have currently implemented are very potential to be developed and ensure the sustainability of wakaf institutions.

Keywords: Waqf, Johor, Saham Wakaf, Wakaf Saham

Abstrak

Wakaf merupakan amalan yang digalakkan dalam Islam. Di Malaysia, wakaf berada di bawah bidang kuasa negeri. Hal ini menjadikan latar belakang pengurusan dan pentadbiran wakaf setiap negeri adalah unik. Johor merupakan antara negeri yang mempunyai pencapaian terbaik dalam wakaf. Artikel ini membincangkan latar belakang amalan wakaf yang dilaksanakan di negeri Johor, termasuk dari sudut sejarah, kuasa perundangan, dan pengurusannya. Turut dibincangkan mengenai pencapaian wakaf di negeri Johor dan bentuk-bentuk wakaf yang berpotensi untuk dimajukan pada masa akan datang. Kajian ini berbentuk kualitatif. Pengumpulan data menggunakan kaedah perpustakaan dan data dianalisis berasaskan pendekatan 'content analysis'. Didapati bahawa pencapaian wakaf di Johor adalah sangat baik terutama dilihat dari segi peningkatan nilai aset wakaf. Begitu juga kaedah Saham Wakaf dan Wakaf Saham yang dilaksanakan pada masa kini sangat berpotensi untuk dikembangkan dan menjamin kelestarian institusi wakaf.

Kata kunci: Wakaf, Johor, Saham Wakaf, Wakaf Saham

1.0 PENGENALAN

Amalan-amalan berbentuk kebajikan seperti sedekah, hibah, dan wakaf sememangnya menjadi anjuran dalam agama Islam. Hal ini sebagaimana firman Allah yang bermaksud,

“Bandingan (pahala) orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah seperti sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, dan pada tiap-tiap tangkai itu pula terdapat seratus biji. Allah melipatgandakan (pahala) bagi setiap yang Dia kehendaki dan Allah Maha Luas (Kurniaannya) lagi Maha Mengetahui” (Al-Baqarah, 2:261). Amalan perwakafan telah bermula pada zaman Rasulullah s.a.w., iaitu dengan pembinaan Masjid Quba dan Masjid Nabawi. Selain itu, diriwayatkan dalam Sahih al-Bukhari (no. hadis 2737) bahawa ‘Umar bin al-Khatthab memperoleh sebidang tanah di Khaibar. Beliau datang menemui Rasulullah s.a.w untuk mendapatkan saranan Rasulullah berkaitan tanah tersebut. Rasulullah bersabda, “Jika kamu mahu, tahanlah fizikalnya, kemudian sedekahkan hasilnya”. Lalu ‘Umar menyedekahkan semua hasil daripada tanah tersebut. Tanah itu tidak boleh diperniagakan, tidak hibahkan, dan tidak diwarisi. Hasil tanah itu disedekahkan kepada fakir-miskin, kaum keluarga, untuk pembebasan hamba abdi, kegunaan di jalan Allah dan ibnu sabil, serta tetamu.

Objektif utama artikel ini adalah untuk membincangkan latar belakang amalan wakaf yang dilaksanakan di negeri Johor, termasuk dari sudut sejarah, kuasa perundangan, dan pengurusannya. Penulis turut membincangkan mengenai pencapaian wakaf di negeri Johor dan potensi wakaf di negeri Johor. Negeri Johor dilihat sebagai antara negeri yang terkehadapan dalam perkara berkaitan wakaf ini. Hal ini termasuk dari segi pencapaian, pengurusan dan pentadbiran serta inovasi dalam aktiviti berkaitan wakaf yang dijalankan (Utusan Malaysia 8 November 2016). Secara umumnya, artikel ini berbentuk kualitatif dan diolah secara deskriptif. Pengumpulan data menggunakan metodologi kajian perpustakaan dengan perolehan sumber daripada bahan bertulis, iaitu statut perundangan, penulisan berkaitan wakaf sama ada berbentuk turath mahupun kontemporari, laporan tahunan, kertas kerja, dan laman web berkaitan. Data dianalisis menggunakan pendekatan ‘content analysis’ berasaskan objektif yang telah ditetapkan. Sebelum membincangkan mengenai latar belakang wakaf di Johor, terlebih dahulu dibincangkan secara umum berkenaan konsep wakaf dan latar belakang wakaf di Malaysia, khasnya dari sudut undang-undang. Seterusnya wakaf di negeri Johor dibincangkan dengan fokus kepada pencapaian dan potensi.

2.0 KONSEP WAKAF

2.1 Definisi Wakaf

‘Wakaf’ adalah perkataan Arab ‘*waqf*’, yang berasal dari kata kerja ‘*waqafa*’ yang memberi maksud ‘berhenti’ (Ibn Manzur, 2003). Dalam al-Quran, perkataan wakaf dalam pengertian ini disebut dalam empat tempat, iaitu dalam surah al-An’am: 27 dan 30, dengan lafaz *wuqifu* yang bermaksud mereka dihadapkan, surah al-Saba’: 31 dengan lafaz *mawqufun* yang bermaksud orang-orang yang dihadapkan dan surah al-Shaffat: 24, dengan lafaz *waqifuhum* yang bermaksud hentikanlah mereka. ‘*Waqf*’ juga sinonim dengan ‘*habs*’ (Ibn Manzur, 2003). Pemakaian istilah ‘*habs*’ bagi menunjukkan maksud wakaf digunakan di Afrika Selatan (Cizakca, 1998).

Manakala dari istilah syaraknya, wakaf bermaksud menahan sesuatu harta dan menghalang dari mengubah fizikal harta tersebut untuk disalurkan manfaatnya ke arah dalam kebaikan dan mendekatkan diri kepada Allah Ta’ala (al-Muzani, 1990). Definisi yang agak ringkas dan padat diberikan oleh Ibn Qudamah (1968) ialah ‘menahan asal (fizikal) harta dan menyerahkan hasilnya (*Tabbis al-‘Asl wa tasbil al-thamarah*). Dalam konteks undang-undang wakaf di Malaysia, Enakmen

Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (En. 15/2015) melalui seksyen 2 mendefinisikan wakaf sebagaimana berikut:

- (a) menyerahkan hak milik apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau kepentingannya;
- (b) menyerahkan manfaat atau kepentingan yang boleh dinikmati daripada apa-apa harta; atau
- (c) menyumbangkan kepakaran dan perkhidmatan yang boleh dinikmati manfaat atau kepentingannya,

sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas, menurut Hukum Syarak, tetapi tidak termasuk amanah yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208]

Definisi ini hampir menyamai definisi yang cadangkan oleh JAWHAR melalui *Manual Pengurusan Model Perundangan Wakaf* yang dikeluarkan pada tahun 2008.

2.2 Pembentukan Wakaf

Pembentukan sesuatu wakaf mestilah tertakluk kepada rukun-rukun yang telah ditetapkan. Menurut jumhur fuqaha, rukun wakaf terdiri daripada empat perkara, iaitu iaitu: Orang yang mewakafkan (*waqif*), barang yang diwakafkan (*mawquf*), pihak yang diberi wakaf (*mawquf alaih*), ucapan (*sighab*) wakaf (al-Syarbini, 1994). Manakala bagi fuqaha mazhab Hanafi, rukun wakaf hanya satu, iaitu *sighab* yang berupa *ijab* atau pernyataan mewakafkan harta daripada *waqif* (al-Zuhayli, 1998; Ibn Nujaym, t.t.).

Seseorang yang berhasrat mewakafkan hartanya mestilah sudah mencapai umur lapan belas tahun, sempurna akal, tidak diisytiharkan bankrap, dan dengan rela hati. Sesuatu wakaf hendaklah diwujudkan melalui *sighab* di hadapan dua orang saksi menurut Hukum Syarak (Seksyen 11, En. 15/2015). Mawquf pula hendaklah suatu harta yang dimiliki oleh waqif, boleh dipindah milik atau diserahkan tanpa apa-apa halangan, dan boleh memberikan apa-apa manfaat, kepentingan atau keuntungan kepada mawquf 'alaih (Seksyen 19, En. 15/2015). Berkenaan jenis harta yang boleh dijadikan mawquf, ia boleh terdiri daripada (Seksyen 20, En. 15/2015):

- (a) harta alih;
- (b) harta tak alih;
- (c) manfaat daripada harta alih atau harta tak alih;
- (d) harta intelek; atau
- (e) kepakaran atau perkhidmatan.

Amalan pada masa kini, mekanisme perwakafan boleh juga dibuat menerusi konsep wakaf tunai, saham wakaf, dan wakaf saham. Wakaf tunai ialah apa-apa sumbangan wang tunai, nilai emas atau yang seumpama dengannya daripada mana-mana orang bagi apa-apa maksud wakaf. Manakala 'Saham Wakaf' ialah pewujudan suatu wakaf melalui penawaran saham, atau pengeluaran bon atau surat cara

lain bagi jaminan berharga kepada orang ramai yang kemudiannya diserahkan oleh pembeli itu kepada Majlis sebagai wakaf. ‘Wakaf Saham’ pula bermaksud mewakafkan apa-apa saham sedia ada dalam syarikat atau perniagaan atau lain-lainnya yang dijalankan selaras dengan kehendak Syarak (JAWHAR, 2008).

3.0 WAKAF DI MALAYSIA

Di Malaysia, wakaf telah lama diamalkan sehingga ke hari ini. Sejarah membuktikan bahawa institusi wakaf sangat berperanan dalam menyediakan kemudahan bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam menerusi penyediaan infrastruktur, terutama yang berkaitan dengan urusan keagamaan seperti masjid, sekolah agama, dan tanah perkuburan (Shukti Adam, 2013). Urusan perwakafan ini telah ‘diinstitusikan’ serta diletakkan garis panduan yang jelas dari segi pengurusan dan pentadbirannya dalam undang-undang negara. Berdasarkan perspektif tersebut, institusi wakaf di Malaysia telah diletakkan di bawah bidang kuasa negeri berdasarkan Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan sebagaimana berikut:

“Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, nafkah, pengambilan anak angkat, kesaharfan, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, **wakaf** Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, institusi, amanah dan institusi khairat yang dijalankan semuanya sekali dalam negeri, adat istiadat Melayu, zakat, fitrah, baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya, masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan, dan acara bagi Mahkamah-mahkamah Syariah yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan, mengawal perkembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu”.

Berhubung dengan peruntukan di atas, Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan mengenai kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang yang berkaitan dengan perkara-perkara yang telah disenaraikan dalam Jadual Kesembilan tersebut. Bagi Wilayah-wilayah Persekutuan, badan yang diberi kuasa untuk membuat undang-undang bagi perkara-perkara berkenaan ialah Parlimen. Sungguh pun demikian, sehingga kini hanya empat buah negeri, iaitu Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, dan Perak sahaja yang mempunyai perundangan khusus berkaitan wakaf sepertimana berikut:

- i. Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (En. 15/2015). En. 15/2015 ini memansuhkan pemakaian enakmen sebelum ini, iaitu Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 (En. 7/1999)
- ii. Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (En. 5/2005)
- iii. Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 (En. 5/2005)
- iv. Enakmen Wakaf (Perak) 2015 (En. 9/2015)

Manakala negeri-negeri lain masih belum meluluskan enakmen khusus berkenaan wakaf yang berbentuk substatif sepertimana yang dilakukan oleh ketiga-tiga negeri ini. Di negeri-negeri selain tiga negeri tersebut, peruntukan berkenaan wakaf diletakkan dalam Enakmen Pentadbiran Islam atau Enakmen Undang-undang Islam masing-masing.

Dari sudut pengurusan, negeri Perak telahewartakan Peraturan Kawalan Wakaf pada tahun 1959, manakala Johor pula melaksanakan kaedah wakafnya melalui Kaedah-kaedah Wakaf Johor 1983 (Sharifah Zubaidah, 2016).

Selain itu, bagi tujuan penyelarasan pentadbiran wakaf, khasnya yang melibatkan hartanah, Kerajaan Persekutuan telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), iaitu satu badan kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

4.0 LATAR BELAKANG WAKAF DI NEGERI JOHOR

Dari sudut undang-undang, perlu ditekankan bahawa sungguh pun Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999 lebih dikenali sebagai enakmen wakaf pertama di Malaysia, namun Johor sebenarnya lebih awal memperkenalkan enakmen wakafnya pada tahun 1973. Walau bagaimanapun, undang-undang wakaf tersebut telah dimansuhkan dan kandungannya dimasukkan ke dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978 (En. 14/1978) yang digantikan dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (En. 16/2003) yang berkuatkuasa pada tahun 2003 hingga kini (Siti Mashitoh, 2006).

Dari sudut pentadbiran, institusi wakaf secara rasmi diwujudkan di negeri Johor pada tahun 1895 (1313H), yang ditadbir secara langsung oleh Sultan Johor. Setelah itu, urusan ini diserahkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Johor sebagai pemegang amanah dalam menguruskan hal ehwal wakaf, sebelum menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada Jabatan Agama Johor di bawah pentadbiran Yang DiPertua (<http://www.wancorp.com.my/>). Berikutan penguatkuasaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978 (En. 14/1978), hal ehwal wakaf telah ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). Enakmen berkenaan telah dipinda dan digantikan dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (En. 16/2003).

Menurut Seksyen 89 En. 16/2003, MAINJ ialah pemegang amanah tunggal bagi semua waqaf, nazr am dan amanah khairat yang terletak di Johor bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau untuk faedah orang Islam mengikut hukum syarak. Untuk tujuan itu, satu unit yang dinamakan sebagai Bahagian Wakaf di bawah struktur MAINJ yang ditubuhkan untuk tujuan:

- i. Memantapkan masyarakat Islam tentang konsep Wakaf
- ii. Menjelaskan kepentingan Wakaf di dalam merealisasikan sosio ekonomi Islam.


- iii. Memberi kesedaran kepada umat Islam untuk sama-sama melibatkan diri dalam pembangunan bagi memajukan ekonomi Umat Islam.

Skop kuasa yang dipegang oleh MAINJ termasuk pentadbiran, pendaftaran dan pengurusan mawqaf selaras dengan tujuan yang telah ditetapkan oleh waqif.

Rajah 1 menunjukkan struktur organisasi MAINJ yang bertanggungjawab terhadap urusan wakaf di negeri Johor:

Pencapaian

- Statistic slaid



Rajah 1: Struktur Organisasi Pengurusan Wakaf di MAINJ
(Sumber: Fail Unit Wakaf, MAINJ)

4.1 Pencapaian Wakaf Di Johor

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Bahagian Wakaf MAINJ, bilangan tapak wakaf yang sedia ada di seluruh negeri Johor ialah sebanyak 4192 tapak. Keluasan keseluruhan apak wakaf dianggarkan sejumlah 13,213.79 ekar. Tapak wakaf yang direkodkan dikategorikan kepada lima jenis hujjah iaitu masjid, surau, sekolah agama, perkuburan Islam, dan kebajikan am.

Jadual 1 menunjukkan jumlah dan keluasan tanah wakaf di negeri Johor dari tahun 2011 hingga 2017:

Jadual 1: Jumlah Dan Keluasan Tanah Wakaf Di Negeri Johor dari Tahun 2011 Hingga 2017

TAHUN	JUMLAH TANAH WAKAF	KELUASAN (EKAR)	PERATUS PENINGKATAN (KELUASAN)
2011	3673	11,367	4.06%
2012	3728	12,577	9.62%
2013	3810	12,734	1.23%
2014	3914	12,839	0.82%
2015	4076	13,033	1.49%
2016	4157	13,107	0.56%
2017	4192	13,213	0.66%

(Sumber: Fail Unit Wakaf, MAINJ)

Jadual 2 pula menunjukkan bilangan tapak wakaf mengikut hujjah:

Jadual 2: Bilangan Tapak Wakaf Mengikut Hujjah

HUJJAH	BILANGAN
Masjid	800
Kubur	843
Masjid dan Kubur	18
Sekolah Agama	729
Surau	3538
Am	451

(Sumber: Fail Unit Wakaf, MAINJ)

4.2 Potensi Wakaf Di Johor

Perbincangan mengenai pencapaian negeri Johor dalam aspek wakaf sebelum ini lebih tertumpu kepada 'wakaf tradisional' yang lebih menjurus kepada wakaf tanah untuk tujuan-tujuan 'keagamaan'. Dalam hal ini negeri Johor diakui sebagai negeri yang paling terkehadapan berbanding negeri lain (Astro Awani, 7 November 2016).

Lebih daripada itu, MAINJ terus mempelbagaikan 'produk' wakafnya seiring dengan perkembangan ekonomi dan masyarakat. Antara ialah Saham Wakaf Johor (SWJ). Menurut Dato' Hj. Noh bin Gadut (2014), pelaksanaan SWJ ini memberi impak yang sangat positif dalam perkara berikut:

- a. Konsep wakaf lebih difahami oleh masyarakat umum.
- b. Manfaat wakaf lebih dirasai oleh golongan sasar.
- c. Paradigma baru tentang konsep wakaf telah dapat diterima oleh semua pihak terutama golongan pembuat dasar.
- d. Manifestasi kefahaman terhadap wakaf dijemakan melalui projek-projek yang berimpak tinggi.
- e. Menjunjung dan merealisasikan visi, misi dan objektif *maqasid al-syariah*.

Jadual 3 menunjukkan senarai projek Saham Wakaf Johor:

Jadual 3: Senarai Projek Saham Wakaf Johor (sehingga tahun 2014)

BIL	NAMA PROJEK	NILAI (RM)
1	Bangunan Saham Wakaf (Pusat Dialysis Jalan Skudai JB)	6 juta
2	Wakaf Asrama Pelajar Perempuan di Kaherah	6 juta
3	Wakaf Pokok Kelapa Sawit	300 ribu
4	Wakaf Al-Quran	1.4 juta
5	Wakaf Bangunan Rumah Kedai Fortune (bangunan / gedung perniagaan) di Nusajaya	1.5 juta
6	Wakaf Bangunan Sekolah Agama	30 juta
7	Wakaf Bangunan Darul Furqan (Persatuan al Qurra')	6 juta
8	Wakaf Bangunan Sekolah Tahfiz Medic (Sains)	10 juta
9	Wakaf Mesin Dialysis 2015 (100 unit)	4 juta

Sumber: Noh Gadut (2014)

Selain pelaksanaan konsep 'Saham Wakaf' menerusi SWJ, wakaf di Johor juga dilaksanakan menerusi mekanisme 'Wakaf Saham'. Dalam konteks semasa ia diterjemahkan dalam bentuk yang dikenali sebagai 'Wakaf Korporat'. Konsep Wakaf Korporat ini dilakukan dengan mewakafkan sejumlah saham yang dimiliki oleh individu atau syarikat dengan mengagihkan bahagian keuntungannya kepada seluruh masyarakat. Konsep ini juga boleh dikategorikan sebagai *waqf musytarak* yang mana sebahagian manfaatnya dibahagikan kepada ahli atau keluarga dan sebahagiannya untuk masyarakat umum (Abd. Shakor, 2013).

Wakaf Korporat di Johor ini telah diperkenalkan oleh Johor Corporation (JCorp) menerusi anak syarikatnya Wakaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp). WANCorp merupakan sebuah syarikat berhad dengan jaminan tanpa syer yang ditubuhkan oleh Johor Corporation (JCorp). WANCorp ditubuhkan bagi menguruskan aset dan saham syarikat dalam Kumpulan JCorp yang diwaqafkan. Dalam konteks ini, WANCorp berperanan sebagai *mawquf 'alaih* kepada saham dan lain-lain bentuk sekuriti syarikat tersebut (<http://www.wancorp.com.my/>; Utusan Malaysia, 11 Mac 2011).

Pada asalnya WANCorp beroperasi secara khusus dengan nama Pengurusan Klinik Waqaf An-Nur Berhad bermula 25 Oktober 2000. Ketika itu ia ditubuhkan hanya untuk menguruskan klinik

waqaf dan pusat dialisis di bawah Johor Corporation dengan pelaksanaan operasi oleh KPJ Healthcare Berhad. Seterusnya, nama syarikat ditukarkan kepada Kumpulan Waqaf An-Nur Berhad pada 19 Julai 2005 dan Waqaf An-Nur Corporation Berhad pada 18 Mei 2009. Pertukaran nama mempunyai signifikasi yang jelas terhadap peranan lebih luas berkaitan skop yang dipertanggungjawabkan kepada syarikat ini (<http://www.wancorp.com.my/>).

Pelaksanaan konsep Wakaf Korporat berasaskan Perjanjian Persefahaman antara JCorp dengan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) pada 4 Disember 2009. Klausula 4 Perjanjian tersebut adalah sebagaimana berikut:

“Bahawasanya Jcorp telah menubuhkan Waqaf An-Nur Corporation Berhad (dahulunya dikenali sebagai Kumpulan Waqaf An-Nur Berhad) (No. Syarikat : 529976-D) (“WANCorp”) sebuah syarikat berhad dengan jaminan tanpa syer untuk mentadbir aset dan saham-saham Jcorp serta syarikat dalam Kumpulan Jcorp yang diwaqafkan dan juga berperanan sebagai Mauquf Alaihi saham-saham dan lain-lain bentuk sekuriti syarikat perniagaan secara keseluruhannya. WANCorp juga ditubuhkan agar dapat menjadi Nazir Khas bagi pelaksanaan Waqaf Khas yang dimaksudkan dalam perjanjian ini”

Berdasarkan perjanjian ini, maka WANCorp menjadi entiti yang diiktiraf oleh Majlis Agama Islam Johor sebagai penerima, pengurus dan pentadbir wakaf. Syarikat ini juga untuk bertindak sebagai ‘*mawquf ‘alaihi*’ bagi saham-saham dan lain-lain bentuk sekuriti syarikat perniagaan daripada pewakaf-pawakaf termasuk Johor Corporation khususnya, umat Islam amnya dan syarikat atau badan dan organisasi lainnya, serta menjadi syarikat pemegang amanah (Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad, 2009).

Pelaksanaan wakaf korporat ini sangat berkesan dalam meningkatkan aset wakaf dan seterusnya meningkatkan sumbangannya kepada sosio ekonomi masyarakat Islam. Dilaporkan bahawa sehingga Disember 2016, Nilai Aset Bersih (NAB) jumlah keseluruhan wakaf saham adalah sebanyak RM282.39 juta. Jumlah ini belum lagi dikira saham Larkin Sentral Property Berhad berjumlah RM68 juta dan cadangan pembelian Menara Ansar yang bernilai RM149.5 juta. Sehingga Disember 2016, jumlah keseluruhan aset WANCorp adalah sebanyak RM814 juta. Syarikat itu mensasarkan 1 bilion aset pada tahun 2020 (Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad, 2017).

Dari segi agihan dana wakaf, WANCorp telah mengagihkan sejumlah RM2,507,675 kepada golongan yang memerlukan sehingga 31 Disember 2016. Pengagihan Dana Kebajikan Am ini telah membantu banyak masjid dan surau, sekolah, pertubuhan kebajikan, pejabat kerajaan, dan banyak golongan yang tidak berkemampuan di negeri ini. Terdapat 3 kategori pengagihan dana kebajikan am iaitu (<http://www.wancorp.com.my/>):

- a. Kebajikan dan Amal (37% atau RM940,440)
- b. Pembangunan Insan dan Modal Insan, Pendidikan dan Keusahawanan (30 % atau RM746,768)
- c. Projek Khas (33% atau RM820,467)

Bagi kategori pertama, iaitu Kebajikan dan Amal, jumlah agihan bagi bahagian kesihatan iaitu sebanyak 27% (RM250,000.00) daripada jumlah keseluruhan. Seterusnya, bagi enyelenggaraan dan engimarahen rangkaian Masjid An-Nur pula, WANCorp telah membelanjakan sebanyak 23%, (RM

216,760) daripada jumlah keseluruhan. Pengagihan ini melibatkan 6 Rangkaian Masjid An-Nur Johor Corporation:

- i. Masjid Sultan Iskandar, BandarDato' Onn
- ii. Masjid An-Nur Kotaraya
- iii. Masjid An-Nur Larkin Sentral
- iv. Masjid An-Nur Bandar PasirGudang
- v. Masjid An-Nur Taman Cendana
- vi. Masjid An-Nur Pasir Gudang

Manakala bahagian Masyarakat Umum, anak yatim dan lain-Lain CSR JCorp sebanyak 50% (RM473,680.00) daripada jumlah keseluruhan. Daripada jumlah ini, jumlah pengagihan untuk masjid dan surau adalah sebanyak 39%, (RM 186,300.00) yang melibatkan 9 buah masjid dan 16 buah surau. Seterusnya, sebanyak 31% (RM50,700.00) diagihkan kepada 52 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), 4% (RM19,980.00) kepada anak-anakyatim dan miskin. Selain itu, sebanyak 8% (RM84,500.00) diagihkan kepada Program Keagamaan & Kemasyarakatan melalui 19 buah program. Sebanyak 18% (RM38,500.00) diagihkan adalah kepada Program Jalinan Ukhuwah sepanjang tahun 2016.

Bagi kategori Pembangunan Insan & Modal Insan, Pendidikan dan Keusahawanan, ia merangkumi dua aspek utama iaitu pendidikan dan keusahawanan yang keseluruhannya berjumlah RM746,768.00.

Pengagihan untuk kategori Projek Khas adalah berjumlah RM820,467.00. Daripada jumlah tersebut, sumbangan kepada pembangunan tulisan jawi melalui Utusan Melayu sebanyak 42% (RM343,514), koperasi Muafakat Johor adalah sebanyak 24% (RM200,000), 19% (RM157,500) adalah bagi Karnival UM JCorp. Baki sumbangan sebanyak 15% telah disalurkan kepada Bantuan Bencana Alam, Dana Mutawwif dan Qardh Al-Hassan, Sumbangan OBA dalam JCorp dan Raja Zarith Wildlife Defender Challenge (<http://www.wancorp.com.my/>; Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad, 2017).

5.0 PENUTUP

Artikel telah membincangkan mengenai pencapaian dan potensi wakaf di negeri Johor. Pencapaian wakaf di Johor dilihat dari sudut jumlah dan nilai aset wakaf adalah sangat memberangsangkan. Hal ini dibuktikan dengan peningkatan jumlah tanah wakaf sepanjang tahun 2011 sebanyak 3673 (11,367 ekar) kepada 2017 sebanyak 4192 (13,213 ekar). Begitu juga jika dilihat kepada jumlah keseluruhan aset WANCorp yang berjumlah RM814 juta. Hasil daripada pencapaian itu, hasil daripada wakaf ini telah banyak digunakan untuk manfaat masyarakat Islam di negeri ini. Ringkasnya boleh dikatakan bahawa wakaf sangat berpotensi sebagai salah satu konsep yang menyumbang kepada peningkatan sosio ekonomi masyarakat di Johor. Potensi yang diperkatakan ini selari dengan konsep wakaf yang merupakan salah satu kaedah pengagihan semula kekayaan dalam membantu mengurangkan jurang ketidakseimbangan sosioekonomi (Monzer Khaf, t.t.). Tambahan pula aset-aset wakaf yang mempunyai nilai yang besar boleh menyumbang kepada aliran pendapatan ekonomi masyarakat. Potensi ini tidak akan mampu direalisasikan melainkan dengan elemen pentadbiran yang mantap lagi dinamik, kerangka perundangan yang komprehensif, kemampuan mengenalpasti aliran

dan kehendak semasa serta kebolehpayaan menjana pendanaan sendiri (*self sustained financing*). Hal ini bagi memastikan kelestarian institusi wakaf yang mampu berdiri tanpa kebergantungan kepada mana-mana sumber dana yang lain (Rumusan dan Resolusi Seminar Waqaf Antarabangsa 2014). Elemen-elemen ini sebenarnya ada dalam institusi wakaf di Johor.

Kejayaan konsep ‘Wakaf Saham’ menerusi WANCorp menunjukkan bahawa perkongsian pintar antara pelbagai pihak berkepentingan termasuk pihak berkuasa, pemegang amanah wakaf, stakeholders, sektor korporat, dan GLC adalah sesuatu yang sangat diperlukan. Selain itu, perlunya usaha promosi dan galakan bersedekah jariah dalam kalangan umat Islam, termasuk dalam bentuk program *Corporate/Individual Social Responsibility*, kutipan tunai, hibah hartanah dan sebagainya yang selari dengan *maqasid* wakaf.

Bibliografi

- Abd. Shakor bin Borham, Siti Mashitoh binti Mahamood (2013). Wakaf Korporat Johor Corporation dan Sumbangannya dalam Memenuhi Tanggungjawab Sosial Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan. *Journal of Techno Social*, 5(2), 61-77
- Berita Astro Awani, 7 November 2016. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/contohi-johor-bangunkan-dan-urus-tanah-wakaf-jamil-khir-121849> (diekses pada 28 Januari 2018)
- Bukhari, al-, Muhammad ibn Ismail (1990). *Al-Jami’ as-Shahih*. Beirut: Dar Ibn Kathir
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (En. 16/2003)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978 (En. 14/1978)
- Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (En. 5/2005)
- Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 (En. 7/1999)
- Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (En. 15/2015)
- Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 (En. 5/2005)
- Enakmen Wakaf (Perak) 2015 (En. 9/2015)
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukram (2003). *Lisan al-‘Arab*. Kaherah: Dar al-Hadith
- Ibn Nujaym, Zainuddin bin Ibrahim (t.t.) *Al-Bahru al-Raiq Syarhu Kanzi al-Daqaiq*. Beirut: Dar al-Kitab al-Islami
- Ibn Qudamah, Abdullah ibn Ahmad (1968). *Al-Mugni*. Kaherah: Maktabah al-Qahirah.
- JAWHAR (2008). *Manual Pengurusan Model Perundangan Wakaf*. Putrajaya: Jabatan Waqaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri
- LAWNET. (2009). *Perlembagaan Persekutuan*.
- M. Cizakca (1998). *Awqaf In History And Its Implications For Modern Islamic Economies*. *Islamic Economic Studies*, 6(1), 43-70

- Mohd Huefiros Efizi Husain, Mohd Nasir Abd Majid, Muneer Ali Abdul Rab (2017). Anjakan Paradigma Waqaf Berasaskan Prinsip Maslahah Al-Mursalah. *UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 4(3-1), 1-10
- Monzer Kahf, Waqf: A Quick Overview, http://monzer.kahf.com/papers/english/Waqf_A_Quick_Overview.pdf (diekses pada 28 Januari 2018)
- Muzani, al-, Ismail ibn Yahya (1990). Mukhtashar al-Muzani, Beirut: Dar al-Ma'rifat.
- Nooh bin Gadot (2014). Transformasi Pengurusan Wakaf Johor: Pemangkin Sosio Ekonomi Ummah. Kertas Kerja Seminar Waqaf Antarabangsa 2014, 8 Disember di Hotel Istana Kuala Lumpur.
- Rumusan dan Resolusi Seminar Waqaf Antarabangsa (2014). 8 Disember di Hotel Istana Kuala Lumpur.
- Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kader (2016). Kerangka Undang-Undang Pengurusan Wakaf Di Malaysia: ke Arah Keseragaman Undang-Undang. *Kanun*, 28(1), 101-126
- Shukti Adam dan Ahcene Lahsana (2013). Cash Endowment as Source of Fund in Islamic Micro-Financing. Kertas kerja 4th International Conference on Business and Economic Research (4th ICBER 2013), Bandung Indonesia, 4 Mac 2013.
- Siti Mashitoh Mahamood (2006). Perundangan Wakaf dan Perkara-Perkara Berbangkit. Kertas kerja dalam Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 anjuran Jabatan Waqaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Legend Hotel, Kuala Lumpur.
- Utusan Malaysia (2016) 8 November 2016, <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/contohi-usaha-johor-pelbagaikan-program-wakaf-1.405003> (diekses pada 9 Julai 2019)
- Utusan Malaysia, (2011). 11 Mac 2011. http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0311&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_02.htm (diekses pada 28 Januari 2018)
- Waqaf An-Nur Corporation Berhad (2010). Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad, 2009. Johor Bahru: WANCorp
- Waqaf An-Nur Corporation Berhad (2018). Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad, 2017. Johor Bahru: WANCorp.
- Waqaf An-Nur Corporation, (2018). <http://www.wancorp.com.my/> (diekses pada 28 Januari 2018)
- Zuhayli, al, Wahbah (1998). *al-Wasaya wa al-Waqf fi al-Fiqh al-Islami*. Damshiq: Dar al-Fikr